

## Nasionalisme dalam Pembentukan Sebuah Negara Persekutuan: Wacana Teoretikal Berdasarkan Pengalaman Malaysia

VEJAI BALASUBRAMANIAM

### ABSTRACT

*Nationalism and the nationalist project in the newly independent states of Southeast Asia is informed by the objective of creating a nation-state. In view of the polities' extreme diversity in terms of people and culture, the homogenising effect of the project is expected to present significant challenges to the respective governments. The task is especially daunting in states where nationalism led to the formation of a federalist state. This is because the nation-state is viewed or "imagined" as a unitary state. Thus, the economic and political themes of the nationalist project will give rise to problems in Federal-State relations. Discussions on the modernisation process in Malaysia have tended to be overwhelmingly concerned with the implications of the nationalist project on the multi-cultural polity resulting in an inadequate understanding of the scenario. To augment our understanding of modernisation in Malaysia, attention too must be given on its implications on Federal-State relations. This article examines why.*

### ABSTRAK

*Nasionalisme dan agenda nasionalis di negara-negara Asia Tenggara yang baru merdeka mempunyai matlamat membentuk sebuah negara-bangsa. Kesan agenda nasionalis dalam mencapai objektif budaya homogen dijangka memberi cabaran hebat kepada kerajaan-kerajaan Asia Tenggara kerana kepelbagaiannya cara hidup atau diversiti di sini. Usaha ke arah penghomogenan adalah lebih sukar di negara-negara yang pergerakan nasionalisme mereka membawa kepada pembentukan sebuah negara federalis. Ini kerana negara-bangsa dilihat atau dibayangkan dalam bentuk unitary state. Oleh yang demikian, komponen ekonomi dan politik agenda golongan nasionalis akan mengakibatkan ketegangan dalam perhubungan persekutuan-negeri. Kajian proses modenisasi di Malaysia kebanyakannya menumpu perhatian terhadap kesan agenda nasionalis dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Untuk mendapat gambaran yang lebih tepat, perhatian harus diberi kepada implikasi agenda nasionalis dalam perhubungan persekutuan-negeri.*

## NASIONALISME, MASALAH PEMBINAAN BANGSA DAN KONSEP RUANG SEJARAH

Sejak enam tahun kebelakangan ini, kita telah menyaksikan perubahan drastik dalam peta dunia dengan bertambahnya bilangan negara bebas yang merdeka terutamanya dengan jatuh dan pecahnya bekas Soviet Rusia dan negara lain di Blok Eropah Timur. Ini telah menambah jumlah bilangan negara bebas di dunia dari seratus enam puluh kepada seratus lapan puluh. Perkembangan ini membuktikan bahawa negara-bangsa sebagai suatu konsep dan bentuk politik semakin kukuh dalam dunia yang pernah dianggap sebagai *The Borderless World*. Dengan itu ternyata bahawa nasionalisme pula muncul sebagai ideologi politik yang paling efektif dan berjaya.

Sejarah menunjukkan kebangkitan sentimen nasionalisme bermula pada zaman Revolusi Perancis. Namun, hanya selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, hak menentu pemerintahan sendiri dianggap sebagai prinsip yang penting dan diterima umum. Perkara ini dimungkinkan oleh kesepakatan yang dicapai oleh kuasa-kuasa besar dunia iaitu di antara negara kapitalis Barat di bawah pimpinan Amerika Syarikat dan negara sosialis bekas Soviet Rusia. Persetujuan yang dicapai oleh Wilson dan Lenin mengenai prinsip pemerintahan sendiri memberi pertunjuk bahawa konsep nasionalisme dalam ideologi kedua khemah Amerika Syarikat dan Rusia ternyata tidak bertentangan.

Pengikut Leninis-Marxis melihat kebebasan ini dalam konteks nasionalisme, iaitu bebasnya negara tersebut dari cengkaman negara penindas. Ia juga bermaksud kemerdekaan/pembebasan tanah jajahan dari kekejaman dan cengkaman imperialism yang mengakibatkan kemunduran koloni tersebut. Skema Leninis mempercayai bahawa perjuangan golongan nasionalis membolehkan matlamat sosialisme serta keunggulan dan pemerintahan diktator proletariat dicapai.

Presiden Amerika Syarikat, Woodrow Wilson, adalah penyokong kuat prinsip hak pemerintahan sendiri dan menganggapnya sebagai cara terpenting untuk mencapai kemajuan negara dan memberikan maruah hidup kepada manusia. Dalam konteks persepsi liberal ini, prinsip nasionalisme mengandungi elemen kebebasan dan kemerdekaan. Perspektif ini digarisoleh logik bahawa hanya kemerdekaan yang akan membolehkan rakyat tanah jajahan mencapai kemajuan dan modenisasi. Oleh yang demikian, pihak borjouis liberal memberi sokongan sepenuhnya kepada perjuangan golongan nasionalis di tanah jajahan supaya hasrat murni ini tercapai. Kedua-dua ideologi kapitalis dan sosialis menganggap nasionalisme sebagai langkah untuk mencapai objektif masing-masing yang tersendiri dan dalam memberi sokongan kepada perjuangan nasionalis, harapan mereka adalah tanah jajahan ini menyebelahi Moscow atau Washington.

Murphy (1993) menerangkan bagaimana doktrin Wilson yang merujuk kepada hak pemerintahan sendiri yang memberi legitimasi kepada tindakan politik sesebuah ‘bangsa’ (*people*) untuk membentuk sebuah negara, menjadi asas kepada pembentukan Bangsa-Bangsa Bersatu yang merupakan sebuah organisasi antarabangsa di bawah hegemoni negara-negara industri kapitalis maju. Keadaan ini dimungkinkan oleh kemunculan negara kapitalis maju sebagai juara Perang Dunia Kedua. Kemenangan mereka disebabkan oleh dua faktor utama iaitu, pertama, aspek ketenteraan mereka yang lebih canggih dan, kedua, prinsip hak pemerintahan sendiri telah menghambat proses radikalisa pergerakan nasionalis yang berpotensi mencabar dominasi sistem kapitalis dunia oleh Amerika Syarikat. Namun, kita juga perlu menerima kenyataan historis bahawa prinsip hak pemerintahan sendiri juga menyumbang kepada pembahagian dan perpisahan sejarah manusia. Tagore (1917) amat membenci konsep negara-bangsa walaupun beliau mengakui peri pentingnya kesedaran kebangsaan/nasionalisme dalam sejarah manusia kerana ia mampu menghapuskan pengabdian dan rasa rendah diri sesama manusia. Menyentuh kes India, beliau menerangkan bagaimana pergerakan nasionalisme membantu memperbaiki serta meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi dan kebijakan masyarakat massa India – khususnya projek modenisasi anjuran golongan nasionalis bertujuan membentuk sebuah unit politiko-ekonomi yang boleh menjamin kebebasan individu sekaligus meningkatkan status ekonomi mereka. Untuk mencapai matlamat ini, wujud perhubungan yang rapat antara kapitalisme dan nasionalisme yang jelas terjelma dalam pengalaman negara bekas jajahan. Diskusi teoretikal dalam sains sosial mengenai konsep nasionalisme menunjukkan betapa pentingnya kesedaran bangsa sebagai pra-syarat kepada kemunculan pergerakan nasionalisme yang berkesan. Oleh yang demikian, tindakan politik akibat kemunculan kesedaran nasionalisme memang bertujuan membebaskan tanah air dan menegakkan pemerintahan sendiri.

Kita harus faham bahawa sebarang perjuangan nasionalis menyentuh langsung ruang geografi. Walaupun semua teori mengenai nasionalisme bersetuju dengan kenyataan tersebut, namun wujud perbezaan pendapat mengenai bagaimana kesedaran bangsa ini boleh direalisasikan. Teori yang menggunakan “pendekatan sosiologi” berpendapat bahawa kesedaran nasionalisme wujud akibat perkembangan kapitalisme (Anderson 1983; Gellner 1983; Smith 1982). Teori yang menggunakan “pendekatan politik” pula melihat tindakan golongan nasionalis sebagai hasil pemelukan ideologi nasionalisme oleh manusia (Kedourie 1960). Teori yang menggunakan pendekatan sosiologi mengenalpasti serta menerangkan akar sosial yang menyebabkan manusia mengambil tindakan nasionalis. Teori yang menggunakan pendekatan politik pula menerangkan bagaimana aliran nasionalisme yang berbeza dalam sesuatu masyarakat mempunyai matlamat politik yang berbeza.

Kedua-dua pendekatan sosiologi dan politik adalah penting untuk

menerangkan tentang isu kebangkitan kesedaran nasionalisme. Sebenarnya tindakan politik golongan nasionalis telah mendapat pengiktirafan dari peruntukan-peraturan dalam Artikel 1, perenggan 2, dan Artikel 55 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengiktirafkan sesebuah ‘bangsa’ itu menuntut hak kebebasan dan pemerintahan sendiri secocok dengan ideologi nasionalis. Ini menerangkan sedikit sebanyak kenapa kebanyakan kumpulan politik di dunia kini menggunakan retorik nasionalisme.

Oleh kerana etnisiti dan budaya memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran bangsa, fokus utama kebanyakan perbincangan adalah terhadap bagaimana kedua-dua faktor ini mempengaruhi kesedaran tersebut. Smith (1986), misalnya, berpendapat bahawa kebangkitan kesedaran bangsa ini berpuncu daripada keinginan untuk mempertahankan survival sesuatu kumpulan etnik. Bagi Gellner (1983), usaha untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara juga mengakibatkan kesedaran ‘kebangsaan’ dan Anderson (1983) pula berpendirian yang perkembangan industri percetakan membantu penggunaan secara meluas bahasa vernakular yang menyebabkan wujud perasaan “kemasyarakatan” di kalangan pengguna bahasa tersebut yang dikaitkan dengan sesebuah kawasan geografi tertentu.

Walaupun wujud perbezaan dalam kedua-dua pendekatan di atas (pendekatan sosiologi dan politik), namun para teoris dalam bidang ini bersetuju yang objektif utama golongan nasionalis adalah untuk membentuk negarabangsa (*nation state*) yang mempunyai ciri-ciri identiti yang tersendiri. Golongan nasionalis bermatlamat untuk membentuk budaya yang seragam serta mencapai pembangunan ekonomi yang saksama. Namun, polisi kerajaan di bekas tanah jajahan menunjukkan bahawa pelaksanaan strategi-strategi tertentu oleh pihak nasionalis tidak pula membawa kepada pembentukan sebuah negarabangsa. Sebaliknya, hasil dari langkah-langkah pembinaan negara, yang merupakan ciri utama dasar di negara-negara tersebut, menunjukkan dengan jelas bahawa yang wujud hanyalah sebuah negara tanpa komponen bangsanya.

Bagaimana pula kita hendak memahami epistemologi pembentukan negarabangsa dan pembinaan negara? Kelemahan yang ketara dalam teori-teori nasionalisme ini adalah dalam menerangkan masalah, atau epistemologi pembinaan bangsa. Kecenderungan mereka ialah untuk memberi tumpuan pada faktor-faktor yang mengakibatkan kebangkitan kesedaran bangsa. Di samping menonjolkan budaya bangsa yang khusus itu, golongan nasionalis juga menggambarkan keadaan sosio-ekonomi serta politik bangsa yang mundur untuk mendapat sokongan komuniti tersebut. Pengalaman di bawah pemerintahan penjajah memberi indikasi yang manusia dari berbagai latar belakang etnik dan budaya boleh bersatu dalam perjuangan untuk membebaskan tanah jajahan. (Ini menerangkan bahawa rasa kemasyarakatan – *a sense of people* – dan bukannya etnisiti yang mengakibatkan manusia mengambil tindakan nasionalis). Untuk mencapai matlamat ini, mereka harus mengaitkan sejarah dengan tanah jajahan atau ruang geografi tertentu. Kaitan

sejarah ini pula bukanlah dari segi kronologi peristiwa dan tarikh tetapi "...as a collective struggle involving the mass of human beings, for ever increasing freedom and for newer and higher realisations of the human person." (Constantino, tidak bertarikh, hlm. 15). Ini menerangkan bahawa sejarah manusia adalah mengenai perjuangan ekonomi dan politik.

Subordinasi politik dan ekonomi tanah jajahan oleh pemerintahan kolonial menyebabkan rakyat di sana berpendapat hanya kemerdekaan sahajalah satu-satunya cara untuk membolehkan mereka mencapai kemajuan. Penindasan tanah jajahan adalah untuk kepentingan ekonomi dan politik metropolis imperial dan rakyat tanah jajahan berasa maruah mereka sebagai manusia bebas tergugat kerana pemerintahan kolonial menghalang kemajuan sosial dan ekonomi mereka. Ini memberi kesan mendalam kepada semua lapisan masyarakat (kecuali mereka yang berkonspirasi dengan pihak kolonial). Namun golongan terpelajarlah yang mula memeluk ideologi nasionalisme dan memimpin pergerakan nasionalisme kerana mendapat skop bagi mereka menyertai birokrasi kerajaan adalah terhad oleh kehadiran penjajah.

Namun, harus ditekankan bahawa tidak semua mereka yang tertarik dengan ideologi nasionalisme mempunyai idea yang sama mengenai konsep bangsa. Malah, pendapat atau imaginasi mereka mengenainya adalah berbeza dan ini menerangkan kenapa pergerakan nasionalisme terbahagi kepada berbagai aliran. Walaupun mereka bersatu dalam menentang kolonialisme, mereka tidak sepakat mengenai idea bangsa. Fenomena ini berterusan sehingga selepas mereka mencapai kemerdekaan apabila kumpulan politik yang lebih dominan memulakan proses untuk membina idea atau imaginasi mengenai bangsa.

Dari sudut perbincangan teoretikal mengenai nasionalisme, kita masih boleh melihat betapa pentingnya hubungan antara aspek sejarah dan geografi; iaitu kebebasan geografi adalah pra-syarat untuk sesebuah bangsa itu mencapai kemajuan. Untuk mencapai objektif ini, mereka perlu mendapat sokongan untuk mengambil tindakan politik bersifat nasional. Oleh itu, bagi golongan nasionalis, ruang geografi adalah ruang sejarah. Penulis berpendapat perhubungan antara ruang sejarah dan ruang geografi yang saling berkait membolehkan manusia dari berbagai latar belakang etnik untuk bersatu dan menjadikan slogan kesatuan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) sebagai senjata yang paling berkesan dalam perjuangan menentang penjajahan dan mencapai pembebasan. Dalam konteks ini, penulis berpendapat kita perlu membawa kembali sejarah dalam ruang pengkajian mengenai nasionalisme.

Dalam sesebuah tanah jajahan, selalunya terdapat lebih dari satu aliran pergerakan nasionalisme. Setiapnya memperjuang wawasan yang berbeza serta mewakili idea yang berbeza tentang bentuk kebebasan dan kemajuan yang diidamkan. Oleh yang demikian, tidaklah memerlukan jika terdapat pelbagai idea yang diidamkan oleh masing-masing puak pejuang nasionalis yang pula saling bersaing. Pastinya ini pula mempengaruhi proses modenisasi dan menghasilkan kontradiksi dan pertentangan di tanah bekas jajahan selepas

mencapai kemerdekaan. Kontradiksi ini selalunya terjelma dalam arena politik dalam bentuk cabaran terhadap golongan elit politik yang masing-masing ingin menonjolkan idea tersendiri mengenai proses modenisasi. Dalam kes yang lebih ekstrim, ia boleh memecah belah dan mengancam kestabilan negara berkenaan.

Daripada perbincangan dan analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa sebarang perbincangan mengenai nasionalisme harus mempertimbangkan keadaan di tanah jajahan dan isu kolonialisme dari segi objektif dan juga kesan politik dan ekonominya.

Apakah panduan golongan nasionalis? Apakah faktor yang menyebabkan manusia mengambil tindakan politik bersifat nasionalis? Teori-teori mengenai nasionalisme dalam sains sosial boleh dibahagikan kepada dua kategori: Pertama, yang melihat nasionalisme sebagai sebuah ideologi dan; Kedua yang melihatnya dari perspektif sosiologi. Berikut akan dibincangkan kedua-dua kategori tersebut.

Pendekatan ideologi menganggap nasionalisme sebagai sebuah ideologi yang menekankan bahawa ‘kaum’ atau ‘bangsa’ mempunyai hak untuk bebas dan memerintah sendiri. Antara penganjur utama pendekatan ideologi ini adalah Kedourie (1966) yang merujuk kepada tulisan Kant (1724-1804) seperti *Critique of Pure Reason* yang menganjurkan falsafah hak menentu pemerintahan sendiri untuk pertama kalinya. Falsafah ini dijadikan sebagai alat politik oleh golongan pasca-Kantian untuk mendapat sokongan politik bagi membentuk negara-bangsa. Kant berpendapat tindakan manusia bergantung kepada pengekalan hak pemerintahan sendirinya. Perkaitan yang ditunjukkan oleh Kant antara kebebasan dan pemerintahan sendiri adalah akibat penumpuan beliau pada aspek moraliti. Khususnya bagi Kant, moraliti tidak bergantung kepada kemahuan manusia iaitu kewujudan moraliti adalah bebas dari kehendak manusia. Menurut Kant selanjutnya, oleh kerana moraliti tidak bergantung kepada kemahuan manusia, ia adalah bebas dan dengan mematuhi *categorical imperative* (yang merujuk pada kepatuhan pada undang-undang dalam diri yang mewujudkan moraliti), manusia akan mencapai kebebasan kerana ini akan menyebabkan mereka bersikap moralistik.

Keputusan moral adalah bergantung pada manusia sendiri iaitu sama ada beliau ingin mematuhi *categorical imperative* ataupun undang-undang alam (merujuk kepada kehendak materialistik). Kebebasan untuk membuat sesuatu keputusan sebenarnya bergantung kepada manusia sendiri dan oleh itu, manusia harus diberi hak penentuan nasib sendiri. Oleh itu, kita dapati sikap moral manusia bergantung kepada hak pemerintahan sendiri ini. Menurut Kedourie pula, oleh kerana Kant tidak menerangkan bentuk atau struktur politik yang akan menjamin kebebasan manusia, golongan pasca-Kantian pula memajukan tesis mereka sendiri (Kedourie 1966: Bab 1). Menurut golongan pasca-Kantian, bentuk kerajaan yang akan menjamin dan mempertahankan kebebasan manusia adalah negara-bangsa. Hujah ini berasal dari tesis asal Fichte (Kedourie 1966,

Bab 2 dan 3) berkenaan peranan pancaindera dan pengetahuan kita mengenai dunia luar.

Menurut Fichte, pengetahuan kita mengenai dunia luar berpunca dari dan dihad oleh pancaindera kita. Oleh itu adalah mustahil untuk mengetahui perkara-perkara yang melewati kebolehan pancaindera kita. Dengan menggunakan tesis sebagai dasar hujah mereka, pengikut Kantian mula memajukan teori mereka sendiri mengenai dunia luar. Menurut mereka, setiap manusia adalah berbeza mengikut budayanya yang tersendiri dan bahasa pula memainkan peranan yang khusus sebagai penanda budaya. Mereka berpendapat bahawa perbezaan sedemikian adalah kehendak Tuhan dan dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk mempertahanan budayanya yang unik itu. Berdasarkan ini, mereka kemudian mengemukakan pandangan bahawa manusia yang tergolong dalam budaya yang sama harus menetap di negara mereka sendiri kerana hanya unit politik sedemikian yang dapat menjamin serta mempertahankan kebebasan dan hak pemerintahan mereka sendiri.

Menurut Kedourie (1966), pandangan mengenai negara yang berasaskan perkauman ini, adalah hasil penyisihan pengikut Kant di negara Eropah yang kian diresapi oleh pengaruh Perancis berikutan penerimaan gaya hidup ala-Perancis oleh golongan elit politik di wilayah-wilayah kekuasaan Jerman tersebut. Persoalan kita sekarang adalah sama ada isu yang menjadi penumpuan utama Kant adalah mengenai bentuk kerajaan. Kita harus faham yang Kant adalah seorang moralis dan beliau memberi penumpuan utama hanya pada isu-isu berkenaan moraliti. Tambahan pula, untuk memberi penekanan yang nasionalisme membawa kepada pembentukan negara-bangsa yang mempunyai budaya eksklusif adalah tidak munasabah. Negara-bangsa yang mempunyai budaya eksklusif adalah bukan norma biasa pada zaman kini. Di samping pandangan Kedourie terhadap nasionalisme, ada beberapa isu atau persoalan teori yang asas yang belum terjawab seperti, "Kenapa dan bagaimana manusia melihat diri mereka sebagai sebuah bangsa?"

Pihak radikal (Marxis) pula tidak melihat nasionalisme dalam pandangan negatif seperti Kedourie. Biarpun Lenin (dalam Marx 1972: 472-487) tidak menerangkan definisi nasionalisme, beliau melihat perjuangan nasionalis dalam sudut yang positif iaitu untuk mencapai kemajuan dan modenisasi di negara tersebut. Pihak liberal juga berpendirian sama dan melihat nasionalisme dari segi logik politik iaitu setiap bangsa mempunyai hak untuk wujud di dunia. Perihal pentingnya prinsip ini terbukti selepas tamatnya Perang Dunia Kedua dan pengenalan hak pemerintahan bersendiru yang dianggap sebagai satu-satunya cara untuk mencapai keamanan dunia. Namun perbezaan yang ketara antara pihak liberal dan radikal adalah mengenai bagaimana proses ke arah kemajuan itu harus dilaksanakan.

Pihak radikal percaya yang kemajuan harus membawa kepada pengukuhan

kepentingan kelas proletariat dan keadaan sosio-ekonomi mereka pula perlu dipertingkatkan. Menurut mereka, cara terbaik untuk berbuat demikian adalah dengan kerajaan negara itu mewakili kepentingan kelas golongan pekerja. Bagi pihak liberal pula, terutamanya mereka yang menggunakan negara industri maju sebagai model pembangunan untuk mencapai kemajuan ekonomi, sistem perdagangan bebas perlu digalakkan dan di sini kerajaan negara tersebut memainkan peranan penting menjaga kepentingan dan pelaburan modal persendirian. Oleh itu, berikutnya tamatnya Perang Dunia Kedua, ideologi yang menggarisi proses modenisasi telah didokong oleh kedua kuasa besar, Amerika Syarikat dan bekas Soviet Rusia, yang mula menaja dan menyokong pergerakan nasionalis di bekas koloni-koloni Asia dan Afrika dalam usaha untuk mempengaruhi arah perjuangan nasionalis. Ini bertujuan menarik mereka ke ruang politik Moscow dan Washington. Kelemahan dalam pandangan radikal adalah kecendorongan mereka melihat nasionalisme dari kaca mata ideologi semata-mata dan oleh itu, mereka gagal menerangkan kepada kita apakah faktor yang menyebabkan manusia melihat diri sebagai tergolong ke dalam sesuatu bangsa tertentu. Di sini, kajian yang menggunakan pendekatan sosiologi dan sejarah memainkan peranan penting untuk menjelaskan kepada kita keadaan-keadaan seperti ini.

#### PENDEKATAN SOSIOLOGI

Emerson (1964) berpendapat yang nasionalisme adalah hasil perubahan sosio-ekonomi. Beliau menekankan:

Nationalism...has a chronology of its own derived not from the calendar but from the stages of the gradually spreading impact of the revolution which originated in Western Europe. It appears to have an essential role to play for peoples undergoing the kind of social and psychological transformation which that revolution imposes on them. (hlm. 379)

Daripada segi ini, kita boleh melihat bahawa nasionalisme adalah hasil sebuah proses. Para teoris sosiologi mempunyai konsepsualisasi yang sama iaitu nasionalisme adalah hasil sebuah proses namun penerangan mereka berbeza dari segi bagaimana proses ini membawa kepada tindakan nasionalis untuk membentuk negara-bangsa.

Daripada sudut pandangan Emerson, proses ini dikaitkan dengan perkembangan kapitalisme yang pesat di England dan Perancis, yang telah membawa kepada peningkatan dalam bilangan kelas *bourgeoisie* serta perubahan sosial, ekonomi dan politik. Menurut Emerson, revolusi ini bertujuan menghapuskan aturan ‘tradisional’ berikutnya peningkatan dalam pemusatan pentadbiran, urbanisme, hak milik persendirian, dan individualiti (Emerson 1964). Aturan baru ini juga menyebabkan golongan kelas pertengahan terutamanya, untuk menilai secara kritis peranan kerajaan. Mereka mendapat-

kerajaan tradisional (monarki) tidak sesuai dengan orde baru dan memaksa kepimpinan tersebut supaya lebih bersikap positif terhadap kepentingan kelas borjuis. Oleh yang demikian, pada kurun ke tujuh belas, wujud di England pemikiran politik dan falsafah politik yang menuntut pembentukan sebuah kerajaan berasaskan undang-undang.

Nasionalisme seperti yang dibincangkan di dalam teori-teori ini dilihat sebagai salah satu cara untuk menemukan serta merapatkan jurang yang wujud berikutan wujudnya orde baru dengan terhapusnya orde tradisional. Dengan itu, kemunculan prinsip kerasionalan yang menjadi dasar kepada orde baru ini menekankan kepentingan peraturan undang-undang serta kerajaan berasaskan penggalan undang-undang yang merupakan produk orde tersebut. Perkembangan dalam falsafah politik ini diiringi oleh kebangkitan dalam kesedaran kebangsaan/nasional di kalangan kelas pertengahan akibat pengenalan dan pelaksanaan polisi ekonomi dan politik yang mementingkan pihak borjuis. Dengan demikian, wujud perubahan dalam persepsi mereka iaitu pemindahan kuasa politik dan pucuk pimpinan dari pemerintahan monarki kepada rakyat supaya kerajaan tersebut akan dikenalpasti dengan mereka. Bentuk kerajaan yang beridentitikan rakyat atau bangsa ini dikenali sebagai negara-bangsa. Keinginan untuk membentuk unit politik sedemikian yang menjanjikan kebebasan juga telah merangsang politik dan falsafah politik yang dimanifestasi dalam pergerakan politik seperti Revolusi Perancis pada tahun 1789. Oleh itu, kita dapat perhatikan bahawa perjuangan untuk membentuk negara-bangsa dilafazkan dengan menggunakan retorik kebebasan dan hak rakyat untuk pemerintahan sendiri.

Menurut teori ini prinsip hak pemerintahan sendiri yang diterima dan diamalkan secara meluas oleh penduduk dunia mengakibatkan perkembangan idea nasionalisme yang memperjuangkan ideologi di mana kerajaan dan negara harus diidentifikasi dengan ‘bangsa’ atau rakyat. Mereka yang mengemukakan teori ini menerangkan bahawa kebangkitan sentimen nasionalisme adalah berasaskan faktor-faktor berikut: pertama, kesan imperialism dan pemerintahan kolonial yang membawa kepada perubahan sosial, ekonomi dan politik dan keduanya, pimpinan golongan terdidik yang menerajui pergerakan nasionalis. Oleh kerana pemerintahan kolonial membawa kepada percambahan benih nasionalisme, teori ini ingin memaparkan nasionalisme dan kolonialisme dalam nada yang lebih positif kerana semangat nasionalisme berserta dengan kolonialisme dianggap mengandungi benih kemajuan untuk modenisasi masyarakat. Menurut Emerson (1964) nasionalisme merupakan,

...the sword and shield of those who are achieving independence...from being ‘natives’, they rise to the honourable title of nationals.

Beliau menerangkan yang negara bangsa pula adalah

...the only instrument effectively available to them for the achievement of the planned development to which they are committed. Assuming even a moderate degree of success, the net result must be to link the people more closely to the national framework which determines so many phases of their existence.

Teori-teori ini berpendapat hak kebebasan dan pemerintahan sendiri yang membawa kepada wujudnya prinsip kedaulatan rakyat dan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat adalah tema yang dipinjam dari barat oleh negara-negara lain di dunia, terutamanya dari model negara-bangsa pertama seperti England dan Perancis. Mereka menerangkan bahawa ada sesetengah negara yang menggalakkan sentimen nasionalisme dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan, namun selepas mencapai objektif tersebut, mereka mula mengongkong dan menghadkan kebebasan rakyatnya. Ini menunjukkan kenapa nasionalisme di dunia timur telah membawa pembentukan kerajaan totalitarian. Menurut Chatterjee (1986: 1-54) fenomena ini memberi indikasi akan kehadiran nasionalisme berorientasi Barat dan Timur. Nasionalisme yang berorientasi barat membawa kepada pembentukan negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dan kebebasan, manakala dalam masyarakat yang berorientasi nasionalisme timur, prinsip-prinsip ini belum lagi terterap dengan kukuh.

Chatterjee menerangkan yang situasi di timur adalah akibat penindasan regim kolonial. Golongan nasionalis yang mengambil alih kuasa pula berhasrat untuk mencapai modenisasi ekonomi tanpa mengira kesannya ke atas masyarakat. Golongan radikal seperti Lenin melihat konsep bangsa atau rakyat daripada segi struktural iaitu berasaskan perhubungan dan struktur kelas. Namun, tulisan Lenin tidak membincangkan aspek-aspek yang menjadi identiti sesebuah bangsa seperti bahasa yang berfungsi sebagai penanda yang membezakan sesebuah masyarakat dengan yang lain. Pihak radikal melihat nasionalisme di tanah jajahan sebagai sebuah kuasa yang progresif kerana ia juga berperanan sebagai motivasi dan gerakan perjuangan menentang kolonialisme dan imperialism; dan oleh itu boleh dianggap sebagai perjuangan demokratik. Namun, dalam usaha menyokong pergerakan nasionalis anti-kolonial, pihak radikal amat berhati-hati dalam polisi mereka kerana perjuangan tersebut pada asasnya adalah untuk mempertahankan kepentingan pihak demokratik-borjuis. Oleh yang demikian tugas golongan radikal adalah untuk memastikan supaya berlaku transisi dari peringkat demokratik borjuis kepada demokratik sosial.

Para cendekiawan neo-Marxis seperti Balibar dan Wallerstein (1991) – (beliaulah yang memperkenalkan teori mengenai sistem dunia) – telah mengemukakan idea-idea mereka sendiri dalam usaha untuk mengatasi kelemahan hujah Marxisme di atas. Pada asasnya, analisa mereka bersifat

*structuralist* yang mengaitkan kebangkitan nasionalisme dengan perkembangan kapitalisme. Balibar (1991) menerangkan bahawa konsep bangsa sering digunakan bersama-sama dengan konsep kaum dan kumpulan etnik dalam memerihalkan huraian istilah tersebut. Menurutnya:

To start with the literature of the historical social sciences, one must note that the term ‘people’ is actually used somewhat infrequently. Rather the three commonest terms are ‘race’, ‘nation’ and ‘ethnic group’, all presumably varieties of ‘peoples’ in the modern world. The last of these three is the most recent... Of course, each of these terms has many variants, but none the less I think both statistically and logically these are the model terms. A ‘race’ is supposed to be a genetic category, which has a visible physical form...A ‘nation’ is supposed to be a sociopolitical category, linked somehow to the actual or potential boundaries of a state. An ‘ethnic’ group is supposed to be a cultural category, of which there are said to be certain continuing behaviours that are passed on from generation to generation and that are not normally linked in theory to state boundaries. (Balibar 1991: 77)

Beliau menerangkan yang ketiga-tiga kategori di atas digunakan untuk “indicate some persisting phenomenon...to enable us to make claims upon the past, and menekankan yang the temporal dimension of pastness is central to and inherent in the concept of peoplehood”. Dan kesemuanya adalah hasil “peoplehood construct, all inventions of pastness, all contemporary political phenomena” (hlm. 78-79). Balibar menggunakan pendekatan sejarah dalam menempatkan asal-usul ketiga-tiga istilah yang berlainan ini di dalam struktur ekonomi dunia kapitalis. Dengan ini, hujah beliau adalah:

The concept of race is related to the axial division of labour in the world-economy, the core-periphery antinomy. The concept of ‘nation’ is related to the political superstructure of this historical system, the sovereign states that form and derive from the interstate system. The concept of ‘ethnic group’ is related to the creation of household structures that permit the maintenance of large components of non-waged labour in the accumulation of capital. (Balibar 1992: 79)

Dalam skema Balibar, bangsa adalah binaan manusia yang bertujuan mencapai perpaduan dan kestabilan di negara-negara berdaulat dan bebas dari ancaman dalaman dan luaran di samping membantu menyeragamkan dan menjadikan pentadbiran lebih berkesan dan cekap. Di sini, hujah Balibar adalah sama dengan teori Gellner (1983) yang menekankan bahawa nasionalismelah yang melahirkan bangsa. Bagi Balibar, usaha untuk mempertahankan keselamatan negaralah yang mendasari usaha pembentukan bangsa, tetapi bagi Gellner pula yang menggunakan pendekatan sosiologi dan antropologi, ia adalah produk transformasi masyarakat dari peringkat pertanian kepada peringkat industri. Menurut beliau:

A society...based in the last analysis on economic growth...is thereby committed to the need for innovation and hence a changing occupational structure. (hlm. 12)

Menurut beliau, masyarakat yang berada di tahap agraria adalah masyarakat yang golongan pemerintah dan diperintah adalah terpisah dari segi budaya. Pihak pemerintah adalah dari golongan terdidik dan fasih dalam beberapa bahasa utama manakala yang diperintah pula cenderung untuk berbual dalam dialek tempatan. Antara kesan fenomena ini adalah ia menghalang mobiliti buruh dan menyebabkan mereka terikat pada adat resat tempatan.

Berikutnya dengan peralihan kepada peringkat industri, golongan elit pemerintah terpaksa melaksanakan polisi tertentu untuk memastikan yang buruh adalah lebih mobil untuk memungkinkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan. Gellner pula membincangkan bahawa perlunya untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang sihat oleh elit pemerintah dan menghapuskan sebarang ketegangan sosial yang boleh wujud dalam masyarakat. Hasil fenomena ini akhirnya menyaksikan pembentukan sebuah unit politik yang mempunyai budaya seragam atau homogen. Usaha gigih untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang teguh melalui buruh yang lebih mobil mendapati golongan elit menyokong penggunaan bahasa tertentu sebagai medium perantaraan. Lama kelamaan, proses ini membantu membentuk sebuah politi yang mempunyai budaya homogen yang pemerintah dan yang diperintah mempunyai budaya yang sama. Ini akhirnya membawa kepada pembentukan sebuah negara yang diidentifikasi dengan budaya (bahasa) tertentu.

Kelemahan utama dalam penerangan Gellner adalah kegagalan beliau untuk menerangkan sifat nasionalisme di tanah jajahan. Nasionalisme di tanah jajahan adalah hasil penerimaan ideologi dan retorik nasionalisme yang bermanifestasi dalam politik iaitu dalam bentuk pergerakan anti-kolonial dan anti-imperialis. Ini menunjukkan yang walaupun pemerintahan kolonial telah membawa kepada struktur sosio-ekonomi yang tidak kongruen, namun golongan diperintah (menggunakan istilah Gellner) mula melihat diri mereka sebagai sebuah bangsa dan mengambil tindakan politik sebagai sebuah bangsa. Namun diskusi Gellner mahupun hujah neo-Marxis gagal membincangkan fenomena ini.

Smith (1986) cuba mengisi sekaligus mengatasi kelemahan dalam wacana tentang nasionalisme di atas. Menurut beliau, terdapat dua ‘jalan’ yang boleh diambil dalam mencapai objektif pembentukan negara bangsa iaitu jalan timur dan barat. Jalan barat dikaitkan dengan Britain dan Perancis. Smith menerangkan bahawa polisi kedua-dua kerajaan itu menumpu menyediakan asas yang kukuh untuk memudahkan perkembangan kapitalisme. Langkah yang telah diambil termasuklah meningkatkan kecekapan pentadbiran melalui pengenalan pendidikan dan bentuk kerajaan awam atau siviks. Smith menyatakan bahawa langkah di atas untuk mencapai pembentukan negara-bangsa adalah unik dan terhad pada negara-negara Eropah Barat sahaja. Negara-negara lain di dunia mencontohi modenisasi politik dan ekonomi Eropah Barat kerana mendapati polisi tersebut memperkuatkan kedudukan kerajaan masing-masing.

Dalam rujukan kepada Eropah Timur, Smith menerangkan yang pelaksanaan polisi untuk memodenkan masyarakat di sana telah menyumbang kepada kesedaran etnik di kalangan kumpulan minoriti dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Beliau berpendapat bahawa wujudnya kesedaran etnik/etnisiti adalah akibat kebimbangan akan kesan proses modenisasi ke atas kedudukan kumpulan etnik minoriti yang bukan-dominan:

In the modern era ethnic communities must become politicised, must enter and remain in the political arena, and must begin to move towards nationhood, even if they have no intentions of becoming full nations themselves...In order to survive the ethnic community must take on some of the attributes of nationhood, and adopt the civic model... (Smith 1986: 157)

Teori Smith menyatakan bahawa etnisiti wujud sebelum kebangkitan kesedaran bangsa dan menyumbang kepada kesedaran ini. Ini bermaksud, bangsa adalah hasil dari kesedaran etnik yang berpunca dari kebimbangan terhadap kelangsungan hidup kumpulan etnik tersebut. Usaha untuk memastikan kelangsungan hidup kumpulan etnik tersebut menyebabkan mereka mengambil tindakan yang berdasarkan model siviks – iaitu berusaha untuk membentuk kerajaan yang berdasarkan peraturan undang-undang, hak kewarganegaraan dan kerajaan yang membenarkan penyertaan warganegaranya dalam pemerintahan negara.

Smith (1986) walau bagaimanapun tidak bersetuju dengan hujah ini kerana beliau berpendapat bahawa bangsa dan nasionalisme adalah fenomena moden. Walau bagaimanapun, hujah beliau yang menekankan modeniti nasionalisme dan sumber etniknya (kesedaran etnik ini bersifat *primordial*) dari segi teorinya, adalah problematik. Ini membawa kepada persoalan bagaimana sesuatu yang moden (nasionalisme) adalah produk sesuatu yang mempunyai akar yang lama (etnik). Hujah saya adalah sebaliknya iaitu kesedaran bangsa lah yang mewujudkan etnisiti dan seterusnya melahirkan pergerakan etno-nasionalisme untuk memperjuangkan kepentingan komuniti tersebut. Etnisiti hanya boleh wujud jika ada kesedaran bangsa; dan kesedaran bangsa muncul dari anggapan masyarakat berkenaan bahawa *survival* mereka terancam (Skema ini boleh dilihat seperti berikut: *nation – nationalism – ethnicity* yang bertentangan dengan teori Smith iaitu *ethnicity – nation – nationalism*). Oleh yang demikian, kita dapati yang etnisiti boleh dilihat sebagai konstruksi bangsa (*a people*) tersebut (Eriksen 1993). Ini membawa kepada persoalan lain : apakah fenomena yang mendasari kecenderungan manusia melihat diri mereka sebagai sebuah ‘bangsa’?

Hobsbawd dan Ranger (1983), menunjukkan bagaimana tradisi yang dianggap telah lama dipraktikkan itu sebenarnya merupakan rekaan baru. Kajian Hobsbawd mengenai upacara penabalan kerabat diraja British sebagai contohnya, menerangkan akan fenomena sesetengah upacara yang terlibat dalam penabalan tersebut yang walaupun secara relatif adalah baru, tetapi

digambarkan sebagai mempunyai tradisi yang lama. (Apa yang cuba mereka tonjolkan di sini adalah upacara atau ritual yang nampaknya mempunyai sejarah yang lama sebenarnya adalah rekaan baru yang dibuat untuk mencapai tujuan atau kepentingan tertentu) Pengajian komparatif Kapferer (1988) mengenai Sri Lanka dan Australia menunjukkan bagaimana metos-metos tertentu digunakan dan berfungsi untuk menyokong pembentukan ideologi tertentu berkaitan pemerintahan negara. Dalam usaha mendapatkan sokongan sesebuah bangsa supaya mengambil tindakan politik, pihak nasionalis sentiasa menekankan rasa ke‘bangsa’an (*a sense of people*) bangsa tersebut sebagai mempunyai tradisi yang lama dan wujud dalam bentuk metos. Pihak nasionalis sering menonjolkan tradisi lama ini untuk menunjukkan yang mereka tergolong dalam sebuah bangsa tertentu. Ini bertujuan menggerak sokongan politik komuniti tersebut dengan memaparkan perbezaan antara ‘kita’ dan ‘mereka’. Metos dan tradisi ini harus dilihat sebagai konstruksi sebuah bangsa daripada melihatnya sebagai sebuah ciptaan seperti yang telah diutarakan oleh Hobsbawm dan Ranger. Ini kerana usaha-usaha untuk menonjolkan kelainan dan perbezaan nyata dalam masyarakat tersebut dilakukan secara sedar. Oleh itu, pandangan Kepferer (1988: 1) yang berikut adalah relevan: “The primordialism of the cultural in nationalism is the construction of nationalism itself and is not to be regarded as independent of nationalism.”

Dari keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kesedaran bangsa adalah fenomena moden dan sebuah konstruksi. Namun persoalan yang masih belum terjawab di sini adalah: apakah yang menyebabkan manusia melihat diri mereka sebagai tergolong ke dalam sesebuah bangsa itu? Ide yang menyatakan bahawa kesedaran bangsa adalah sebuah konstruksi menggambarkan yang pihak nasionalis mempunyai sebuah rancangan yang mengandungi perincian serta spesifikasi mengenai perkara yang hendak dibina itu. Rancangan tersebut juga merupakan hasil imaginasi sesebuah bangsa itu. Oleh yang demikian, kenyataan Anderson (1983) mengenai “nation as an imagined community, and imagined as both limited and sovereign” adalah benar dan tepat sekali. Hasil imaginasi sedemikian menyebabkan manusia mengambil tindakan politik untuk memperjuangkan kepentingan komuniti tersebut.

Anderson membincangkan faktor-faktor yang membolehkan keinginan bangsa itu menjadi satu realiti:

What in a positive sense, made the new communities imaginable was half-fortuitous, but explosive, interaction between a system of production relations (capitalism), a technology of communications (print), and the fatality of human linguistic diversity...the essential thing is the interplay between fatality, technology and capitalism. And not to equate fatality (with respect to irremediable linguistic diversity) with the fatality of nationalist ideologies regarding primordial fatality of particular languages and their association with particular territorial units. (Anderson 1983: 43)

Tesis Anderson ini pada dasarnya membincangkan bagaimana perkembangan kapitalisme berjaya menghapuskan konsep hirarki yang wujud dalam institusi raja atau agama dalam masyarakat tersebut. Sebaliknya, ide komuniti yang mendatar muncul di mana masyarakat tersebut mendapat identitinya melalui perkaitan dengan sesebuah kawasan geografi dan bahasa tertentu. Anderson berpendapat bahawa fenomena ini bersama-sama dengan kesengsaraan yang dialami di bawah sistem ekonomi kapitalis menyebabkan manusia mula hilang kepercayaan pada institusi agama. Mereka mula mencari jalan lain untuk membebaskan diri dari belenggu kesengsaraan ini, serta berusaha untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka dan melupakan masa lalu yang pedih itu. Hasrat pembentukan sebuah bangsa atau komuniti yang bebas dari kesengsaraan hidup mendominasi pemikiran mereka. Dari pandangan Anderson, kita dapat menyimpulkan bahawa faktor-faktor berikut perlu wujud untuk membolehkan wujudnya sentimen nasionalisme: a) ide atau persepsi mendatar mengenai komuniti, dan b) hasrat untuk mencapai kemajuan dan menghapuskan penderitaan.

Persepsi komuniti yang mendatar (yang mempunyai sempadan geografi tertentu) memperkenalkan ide bahawa sesebuah bangsa diidentifikasi dengan kawasan geografi tertentu. Keduanya, menurut Constantino, hasrat untuk kemajuan dan menghapuskan penderitaan manusia adalah sebenarnya definisi sejarah – iaitu perjuangan manusia untuk mencapai tahap kebebasan dan kemajuan yang lebih tinggi. Oleh itu, nasionalisme sebenarnya wujud akibat usaha menempatkan sejarah ke dalam ruang geografi tertentu sehingga ruang geografi tersebut juga menjadi ruang sejarah. Dengan menekankan isu-isu seperti kebebasan, kemajuan dan hak sesebuah bangsa untuk mencapai pemerintahan sendiri, golongan nasionalis berusaha untuk memobilasi manusia untuk melepaskan diri dari ikatan yang mengongkong kebebasan dan yang mengakibatkan kemunduran mereka. Mereka berpendapat kehadiran ‘orang luar’ yang mengakibatkan penderitaan mereka.

Hampir semua perbincangan melihat nasionalisme sebagai hasil peralihan masyarakat ke peringkat kapitalis dan industri. Ranajit Guha (1988) dari *The Subalternist Study Group* menerangkan yang perbincangan mengenai isu nasionalisme di India telah menyebabkan “historiography of Indian nationalism to be dominated by elitism - colonialist elitism and bourgeois-nationalist elitism.”

Tulisan beliau, menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku di India adalah akibat konfrontasi antara kelas dominan dan kelas bawahan (kelas yang didominasi oleh golongan dominan) dan:

both these varieties of elitism share the prejudice that the making of the Indian nation and the development of the consciousness - nationalism - which informed this process were exclusively or predominantly elite achievements. In the colonialist and neoco-

lonialist historiographies these achievements were credited to British colonial rulers, administrators, policies, institutions and culture; in the nationalist and neo-nationalist writings - to Indian elite personalities, institutions, activities and ideas. (Ranajit Guha 1988: 38)

Beliau juga berpendapat yang pertimbangan yang sewajarnya harus diberi ke atas sumbangan bangsa tersebut. Beliau menyambung:

What, however, historical writing of this kind cannot do is to explain Indian nationalism for us. For it fails to acknowledge, far less interpret, the contribution made by the people on their own, that is, independently of the elite to the making and development of this nationalism. In this particular respect the poverty of this historiography is demonstrated beyond doubt by its failure to understand and assess the mass articulation of this nationalism except, negatively, as a law and order problem, and positively, if at all, either as a response to the charisma of certain elite leaders or in the currently more fashionable terms of vertical mobilization by the manipulation of factions. (Ranajit Guha: 39)

Beliau menerangkan bahawa kegagalan untuk memberi pertimbangan atau perhatian yang sewajarnya pada peranan politik golongan *subaltern*, “resulted in a structural dichotomy which ensured the inability of the Indian bourgeoisie to speak for the nation”. Kenyataan ini mempunyai nada politik yang mendalam. Saya mendapati bahawa pembahagian struktural dan kegagalan golongan borjuis untuk memperjuangkan kepentingan sosio-ekonomi bangsanya menunjukkan wujudnya persepsi yang berbeza tentang istilah bangsa (*nation*). Kita harus faham yang walaupun bangsa tersebut mungkin mempunyai budaya yang seragam (dan fenomena ini bukan merupakan norma biasa) namun dari segi ekonomi, ia terbahagi mengikut garis kelas.

Oleh yang demikian, wujud keadaan di mana kelas-kelas yang berbeza dalam masyarakat mempunyai idea yang berlainan mengenai bangsa. Situasi inilah yang menerangkan punca ketidakupayaan golongan borjuis India, misalnya untuk berfungsi sebagai ‘jurucakap’ kepada bangsa tersebut kerana istilah dan definisi bangsa itu sendiri adalah problematik. Penulis berpendapat ini merupakan tema atau isu utama yang cuba ditonjolkan dalam hujah The Subaltern Studies Group; dan mereka mencadangkan supaya masalah wujudnya persepsi bangsa yang berbeza yang saling berkonfrontasi harus diatasi. Proses pembinaan bangsa di negara-negara Asia dan Afrika yang baru merdeka harus dilihat di dalam konteks ini; iaitu tindakan politik golongan nasionalis selepas mencapai kemerdekaan tidak membawa kepada pembentukan negara bangsa tetapi sebaliknya pembentukan negara yang belum lagi mencapai status bangsa. Ini kerana ketidak upayaan mereka mencapai penyelesaian mengenai kehadiran persepsi bangsa yang berbeza dalam masyarakat tersebut. Tugas ini terletak pada bahu elit-elit kerajaan merdeka untuk membentuk bangsa berdasarkan imej mereka.

Pembinaan bangsa adalah proses yang menyaksikan pembinaan/sesuatu bangsa mengikut imej tertentu. Ia adalah projek yang mempunyai kedua-dua tema politik dan ekonomi bermatlamat membentuk sebuah negara-bangsa. Oleh kerana model ini mencontohi negara kapitalis maju, tema ekonominya mempunyai objektif pembentukan sebuah negara yang mempunyai pembangunan ekonomi yang sama rata dan tema politiknya pula untuk membentuk sebuah politi yang mempunyai budaya seragam. Projek pembinaan bangsa oleh nasionalis yang mempunyai kedua-dua tema ekonomi dan politik ini akan dipengaruhi oleh imej serta persepsi mengenai bangsa oleh golongan pemerintah dan elit politik dominan. Ini membawa pula kepada soalan popular yang sering diutarakan iaitu: kenapa kelas yang didominasi sanggup membuat pengorbanan bagi mencapai matlamat membentuk negara-bangsa walaupun tindakan politik golongan nasionalis tersebut membawa kepada pengukuhan hegemoni kelas yang lebih dominan?

Jawapan kepada soalan tersebut terletak pada keupayaan pihak nasionalis untuk mengagungkan bangsa tersebut, "...wherein the political is shrouded in the symbolism of a 'higher' purpose..." (Kapferer 1988: 1) sehingga menyebabkan politik kini mengambil sifat 'keagamaan'. Dengan demikian, manusia mula melihat negara, politik dan elit politik sebagai memainkan peranan penting dalam mempertahankan kelangsungan hidup bangsa tersebut. Pendekatan antropologi yang digunakan oleh Kepferer harus diberi pujian kerana berjaya menonjolkan peranan budaya dalam mempengaruhi pembentukan negara. Dan pendekatan ini adalah penting untuk membolehkan kita memahami kenapa manusia rela membiarkan diri mereka dieksplorasi untuk mencapai objektif pembentukan bangsa. Namun, menurut Kapferer, faktor budaya sahaja (iaitu usaha untuk mempertahankan survival budaya tersebut) tidak mencukupi untuk menerangkan mengenai fenomena kebangkitan nasionalisme. Politik nasionalisme juga dipengaruhi oleh sifat manusia yang menyebabkan tindakan golongan nasionalis boleh diiringi oleh kekejaman, kebencian, pemisahan dan konflik berdarah seperti yang dapat disaksikan di Yugoslavia dan Sri Lanka.

Perbincangan di atas menunjukkan peri pentingnya negara-bangsa dalam era nasionalisme ini dan peranannya dalam membantu manusia mencapai kemajuan dan kebebasan. Namun adalah penting untuk kita mengetahui yang hasrat atau keinginan untuk mencapai kemajuan dan kebebasan boleh dan akan memaksa manusia ke arah internasionalisme apabila mereka mendapatni nasionalisme tidak berupaya untuk menjamin kepentingan mereka lagi. Kita boleh melihat kemunculan fenomena baru ini dengan galakan kerajaan-kerajaan dunia ke arah regionalisme dan pembentukan segitiga pertumbuhan. Walau bagaimanapun, oleh kerana kerajaan-kerajaan dunia berada pada tahap pembangunan sosio-ekonomi yang berbeza, kita boleh menjangka yang nasionalisme akan terus memainkan peranan penting dalam politik negara-negara yang baru merdeka dan yang ingin mencapai status negara kapitalis

maju. Proses ini akan mendapati elit-elit di negara-negara tersebut mempraktikkan segala syarat untuk mencapai kemajuan, namun pada masa yang sama, mengekalkan budaya kebangsaannya yang nyata.

### NASIONALISME DAN FEDERALISME: TEORI, KONSEP DAN SEJARAH AMALAN DI MALAYSIA

Kajian nasionalisme sehingga kini melihat negara-bangsa dan agenda nasionalis dari konteks atau perspektif pembentukan sebuah *unitary state*. Negara Federalis/Persekutuan pula dilihat sebagai struktur politik yang dapat memenuhi tuntutan kumpulan etnik minoriti dalam sebuah masyarakat majmuk. Guibernau (1996, bab 5) dalam kajian federalisme, menerangkan bagaimana negara Belgium secara rasmi menjadi sebuah Persekutuan untuk menerima “minority’s claim for further autonomy and avoid secession” di wilayah golongan Flemish yang menggunakan bahasa Belanda. Beliau juga merujuk kepada kes di negara Kanada di mana sistem Persekutuan dianggap sebagai institusi politik yang ideal untuk memenuhi aspirasi golongan Quebecois; di Sepanyol pula struktur federalis berfungsi memenuhi aspirasi minoriti nasionalis seperti golongan Basque, Catelonia dan Galacia. Oleh itu kajian Guibernau memberatkan isu federalisme dari perspektif sains politik dengan menekankan struktur institusional dan pembahagian kuasa (mengikut perlembagaan) antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Shafruddin (1987, bab 1) dalam kajian beliau mengenai Malaysia merujuk kepada faktor-faktor yang menggarisi ciri-ciri struktur federalisme dan ‘proses’ pemerintahan yang mempunyai cirinya yang tersendiri dan masalah yang wujud akibat perbezaan ini. Namun, beliau gagal menerangkan lebih lanjut sumber masalah antara proses pemerintahan dan ‘ciri’ federalisme dan jalan penyelesaiannya. Adalah jelas sumber ketegangan ini adalah kerana agenda nasionalis, (untuk membina negara-bangsa) yang mendasari proses pemerintahan dalam zaman selepas Merdeka, dilihat dalam konteks pembinaan sebuah negara kesatuan (iaitu pembinaan bangsa dilihat dalam konteks sebuah negara kesatuan).

Kajian Ongkili (1985) juga melihat negara-bangsa sebagai negara kesatuan dan usaha-usaha yang perlu diambil untuk membinanya. Beliau melihat pembinaan bangsa sebagai proses ‘linear’ ke arah mencapai ideal bangsa tertentu dan oleh itu, ia (pembinaan bangsa) boleh di anggap *subsuming*. Begitu juga dengan buku ISIS (1986) yang melihat proses pembinaan bangsa dalam konteks pembentukan sebuah negara kesatuan. Buku ini melihat masalah yang wujud berikutan usaha membentuk politi bersatu dalam sebuah masyarakat berbilang kaum. Dalam perbincangan mengenai pembinaan bangsa, penulisan ini (seperti tulisan Ongkili) tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya pada hakikat bahawa nasionalisme di Malaysia telah menghasilkan pembentukan sebuah negara Persekutuan.

Harus diperhatikan di sini bahawa sebuah negara Persekutuan, seperti dalam kes Malaysia, bukan merupakan hasil keinginan untuk mendakap kepentingan minoriti. Sebaliknya, federalisme pula adalah hasil keinginan golongan nasionalis untuk mencapai objektif mereka. Agenda nasionalis, seperti yang telah dibincangkan di atas, mempunyai matlamat pembentukan ide atau imaginasi tertentu negara-bangsa dengan negara tersebut dikenalpasti sebagai sesebuah bangsa (*people*) mengikut konteks budaya atau etnik. Terdapat dua aspek utama dalam agenda nasionalis, iaitu, untuk membina ide bangsa dan keduanya, mengambil langkah meningkatkan status ekonomi bangsa. Ini menyebabkan agenda nasionalis mempunyai komponen etnik dan kelas. Adalah jelas di sini apabila kita melihat negara-bangsa membayangkan identiti etnik sesebuah bangsa dan struktur kelas tertentu. Kita harus faham bahawa oleh kerana agenda nasionalis adalah berdasarkan suatu imaginasi, maka perbezaan pendapat mengenai ide bangsa tidak dapat dilakukan. Namun, sistem persekutuan memberikan ruang untuk pertentangan pendapat itu disalurkan melalui kaedah politik atau pun undang-undang.

Bagi Guibernau, federalisme berfungsi memenuhi aspirasi golongan minoriti. Namun, apa yang menarik di sini adalah kenapa, misalnya golongan Quebecois (di Kanada) dan golongan Flemish (di Belanda), masih ingin menuntut hak pemerintahan sendiri? Masalah yang dihadapi oleh Persekutuan Kanada adalah penentangan golongan Quebecois yang melihat kepentingan ekonomi dan politik mereka hanya boleh terpelihara dan terjamin melalui pembentukan negara mereka sendiri. Inilah hakikat situasi di sana walaupun kerajaan Kanada mengambil langkah-langkah tertentu untuk memenuhi aspirasi nasional golongan Quebecois (yang berbahasa Perancis). Sementara di Belgium pula, senario yang sama dapat disaksikan walaupun golongan penutur bahasa Belanda diberi hak autonomi tertentu oleh Kerajaan Persekutuan di sana.

Oleh yang demikian, kita dapat bahawa konsep federalisme di kedua-dua negara ini membantu memperkuatkan imej golongan majoriti walaupun struktur federalisme di kedua-dua negara memperuntukkan hak autonomi tertentu bagi golongan minoriti Quebecois dan Flemish. Kedua-dua golongan ini berpendapat bahawa mereka hanya boleh mendapat layanan politik yang sama rata jika mereka bertindak berpisah dari Persekutuan tersebut dan menubuhkan negara mereka sendiri. Oleh yang demikian, kita dapat perhatikan bagaimana golongan nasionalis Flemish sebagai contohnya, telah menggunakan peruntukan perlembagaan yang terdapat di dalam sistem Persekutuan untuk menentang kerajaan Persekutuan dan memperolehi sokongan rakyat. Ini dilakukan dengan memanipulasi isu etnisiti dalam kempen untuk mengukuhkan kuasa politik mereka.

Persoalan kini adalah apa yang akan berlaku apabila nasionalisme membawa kepada pembentukan sebuah negara Persekutuan seperti dalam kes Malaysia? Hujah yang federalisme adalah struktur politik untuk memenuhi

mempertahankan hak istimewa orang Melayu. Kewujudan senario sedemikian tidak dapat dielakkan oleh British. Pemerintahan British selama tujuh dekad itu telah mengekalkan serta mempertahankan struktur negeri Melayu sebagai unit politik yang terasing. Oleh yang demikian, skema Malayan Union yang tidak mempertimbangkan aspek ini sudah semestinya mendapat penentangan hebat dari elit-elit politik negeri (Stockwell 1979).

Tuntutan UMNO tersebut dipenuhi oleh pihak British yang menggantikan Malayan Union dengan sebuah sistem Persekutuan pada tahun 1948 dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu (PTM). PTM merangkumi sembilan negeri Semenanjung Melayu bersama-sama dua kerajaan Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka di bawah sebuah kerajaan pusat. Melalui pembentukan kerajaan pusat yang kuat, British berusaha menyelaraskan pentadbiran bagi memenuhi kepentingan golongan kapitalis. Di sini, kita harus perhatikan yang walaupun Persekutuan Tanah Melayu mempunyai ciri sebuah kerajaan pusat yang kuat, pembentukannya tidak mendapat bantahan dari elit UMNO. Ini kerana negeri-negeri yang membentuk Persekutuan tersebut dibenarkan mengekalkan identiti politik masing-masing dan tidak terserap ke dalam entiti politik yang bersifat kesatuan atau politi tunggal seperti yang dirancang dalam program Malayan Union. Oleh yang demikian, Persekutuan Malaya yang mendapat kemerdekaannya pada tahun 1957 pada asasnya adalah Kesatuan Kerajaan Melayu – seperti United Kingdom atau United Arab Emirates.

Semangat etno-nasionalisme berjaya mengakibatkan pemansuhan rancangan Malayan Union dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu dan ini boleh dikatakan menyokong hujah Smith berkenaan persoalan *ethnic* dan peranan etnisiti dalam menghasilkan kelahiran sentimen nasionalisme. Namun, apabila kita mengkaji isu ini dengan lebih mendalam, keadaan adalah sebaliknya. Perjuangan etno-nasionalisme Umno adalah berdasarkan idea atau ‘imaginasi’ sebuah bangsa dalam mana Sultan mempunyai kedudukan utama. Ini adalah antara idea-idea lain yang wujud mengenai bangsa yang membawa kepada kelahiran pergerakan nasionalisme yang kuat di Malaya dan menentang rancangan British untuk menjajah kembali Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Ini menyaksikan kelahiran etnisiti di kalangan penduduk Melayu. Rancangan Malayan Union yang berdasarkan idea membentuk sebuah negara kesatuan yang akan mengugat kedudukan dan status Sultan dan identiti Malaya sebagai tanah orang Melayu adalah bertentangan dengan idea UMNO mengenai konsep bangsa. Malayan Union dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan hidup bangsa Melayu. Oleh itu, idea bangsa dan semangat nasionalisme bukan merupakan hasil etnisiti sebagaimana hujah Smith.

Selepas Merdeka, perjuangan kemerdekaan berdasarkan semangat nasionalisme bertumpu kepada usaha membentuk sebuah negara yang dikenakan dengan sebuah bangsa. Ciri Gellnarian agenda ini melihat elit politik pemerintah memperkenalkan polisi-polisi ekonomi dan politik bertujuan

membentuk idea negara-bangsa mereka tersendiri. Di sini, kita boleh menjangka yang usaha Kerajaan Persekutuan untuk menyelaras dan menyeragamkan projek nasionalis dalam sebuah negara yang struktur sosialnya terbahagi mengikut garis etnik serta mempunyai pembangunan ekonomi yang tidak setara, akan menghasilkan kontradiksi dalam masyarakat. Terutamanya elit-elit yang mempunyai idea yang berbeza mengenai projek nasionalis.

Pada tahun 1963, Sabah, Sarawak dan Singapura bersama-sama Persekutuan Malaya membentuk Persekutuan Malaysia. Faktor utama yang mendorong delegasi Borneo dan Singapura menyertai Persekutuan Malaya adalah keinginan menikmati tahap yang lebih tinggi dalam pembangunan ekonomi dan politik. Namun, mereka masih berhati-hati akan implikasi kemasukan negara mereka ke dalam sebuah sistem Persekutuan yang mempunyai kecenderungan memusat yang kuat. Oleh yang demikian, mereka mengambil langkah menentukan hak autonomi kerajaan negeri untuk memastikan penguasaan politik dan ekonomi wilayah yang lebih kuat. Namun, elit politik di peringkat Persekutuan pula ingin menonjolkan hegemoni mereka untuk mempengaruhi proses modenisasi. Dengan itu, kewujudan kontradiksi antara elit politik negeri dan Persekutuan mengenai arah dan cara pelaksanaan proses modenisasi itu memang tidak dapat dielakkan. Ini pula akan mempengaruhi situasi politik Persekutuan tersebut. Kegagalan mengendali serta menyelesaikan pertentangan yang wujud dalam perhubungan persekutuan-negeri akan menyebabkan kerajaan negeri tidak mahu mengikut arahan Kerajaan pusat. Kecenderungan perpecahan ini pula akan menyumbang kepada kontradiksi dalam isu seperti etnik, keagamaan, regionalisme dan semangat kedaerahan.

Kebanyakan kajian mengenai Malaysia yang menggunakan pendekatan sosiologi sering condong ke arah isu etnisiti dan kesedaran etnik. Mereka menggunakan masyarakat berbilang kaum negara ini sebagai asas analisa dan cuba menerangkan kesan proses modenisasi ke atas faktor etnisiti dan perhubungan antara etnik. Mengikut Loh (1991) terdapat dua kategori utama dalam usaha analitikal ini; 1) pendekatan masyarakat majmuk dan 2) pendekatan kelas. Kedua-dua pendekatan ini bersetuju proses modenisasi menyumbang kepada peningkatan etnisiti dan kesedaran etnik.

Pendekatan masyarakat majmuk menggunakan masyarakat berbilang kaum negara ini yang dianggap sebagai unit homogen yang korporat sebagai asas analisanya. (Gullick 1964; Ratnam 1964; Milne 1967; Means 1976; Ongkili 1985; von Vorys 1976; Mauzy 1982; Esman 1972; Ong 1991). Pendekatan ini melihat Malaysia sebagai sebuah demokrasi konsosional. Ia menekankan kestabilan politik serta kerjasama yang wujud antara pelbagai kaum di negara ini adalah akibat persetujuan antara pemimpin dan elit-elit kumpulan etnik ini. Mereka berpendapat kewujudan etnisiti di negara ini pula, adalah akibat manipulasi isu tersebut oleh ahli-ahli politik dalam usaha memperkuuhkan

sebuah sungai, iaitu:

as a river flows, it, so to speak, 'lives'. So, it is with centre-state relations. It flows precisely because federalism is a living thing, and its process very much determines the nature, style, and content of this flow which, unlike that of a river, need not necessarily be only in one direction.

Ini memberi gambaran bahawa negeri-negeri dalam sesebuah negara persekutuan adalah seperti sebuah sungai besar (mewakili kerajaan persekutuan) yang mempunyai beberapa anak sungai (mewakili kerajaan-kerajaan negeri yang membentuk persekutuan). Penulis berpendapat gambaran ini adalah tidak begitu tepat dan sebenarnya merupakan sumber kepada masalah yang wujud antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ini kerana dalam pertemuan dengan sungai besar, anak sungai harus mengikut arus aliran sungai besar, iaitu kerajaan negeri terpaksa mengikut arahan kerajaan persekutuan yang boleh membawa kepada percanggahan pendapat dan seterusnya ketegangan dalam perhubungan mereka.

Sebaliknya, adalah lebih baik untuk melihat sebuah negara persekutuan sebagai sebatang pokok yang mempunyai banyak dahan, dan batang pokok (kerajaan persekutuan) pula menyokong dahan-dahannya (kerajaan-kerajaan negeri) membolehkan dahan-dahan membesar dan berkembang dengan sendirinya. Melihat analogi ini, ketegangan yang wujud dalam hubungan federal-negeri (seperti dalam analogi sungai) dapat dielakkan kerana tidak ada tekanan sentripetal dari kerajaan persekutuan ke atas kerajaan negeri.

#### RUJUKAN

- Abraham, C.E.R. 1976. *Race Relations in West Malaysia: With special reference to modern political and economic development*. D. Phil. thesis, University of Oxford.
- Amin, Mohd. & Cladwell, M., ed. 1977. *Malaya: the making of a neo-colony*. Nottingham: Betrand Russell Peace Foundation.
- Andaya, B. & Andaya, L. 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan.
- Anderson, B. 1983. *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nationalism*. London: Verso.
- Balibar, E & I.Wallerstein, 1991. *Race, nation, class: Ambiguous identities*. Paris: Verso.
- Brennan, M. 1982. Class, politics and race in modern Malaysia. *Journal of Contemporary Asia* 12(2): 188-215.
- Cham, B.N. 1975. Class and communal conflict in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia* 5(4): 446-61.
- Chattarjee, P. 1986. *Nationalist thought and the colonial world - a derivative discourse*. United Nations University: Zed Books Ltd.
- Cheah, B.K. 1987. *Red Star Over Malaya: Resistance and social conflict during and*

- after the Japanese occupation, 1941-1946. Singapore: Singapore University Press.
- Clutterbuck, R.L. 1973. *Riot and revolution in Malaya and Singapore 1945-63*. London: Faber.
- Constantino, R. undated. *Nationalism and liberation*. Karrel Inc.: Quezon City.
- Drysdale, J. 1984. *Singapore: Struggle for success*. Singapore: Times Books International.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia: A Study in direct and indirect rule*. New York: Macmillan.
- Eriksen, T.H. 1993. *Ethnicity and nationalism: Anthropological perspectives*. London: Pluto Press.
- Esman, M.J. 1972. *Administration and development in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Federal Constitution* (as at 25 June 1995), complied by Legal Research Board, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Firdaus Abdullah. 1985. *Radical Malay politics: Its origins and early development*. Kuala Lumpur: Pelanduk.
- Gellner, E. 1983. *Nations and nationalism*. Oxford: Basil Blackwell.
- Guha, R & Chakravarthy, G. 1988. *Selected subaltern studies*. New York: Oxford University Press.
- Guibernau, M. 1996. *Nationalisms: The nation-state and nationalism in the twentieth century*. Cambridge: Polity Press.
- Gullick, J.M. 1964.. *Malaya*. London: Longman.
- Gullick, J.M. 1992. *Rulers and residents: Influence and power in the Malay states 1876-1920*. Singapore: Oxford University Press.
- Hing, A.Y. 1984. Capitalist development, class and race. In *Ethnicity, class and development: Malaysia*. edited by S. Husin Ali. Persatuan Sains Sosial Malaysia: Kuala Lumpur.
- Hobsbawm, E. & Ranger, T., eds. 1983. *The invention of tradition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Institute of Strategic and International Studies (ISIS). 1986. *The bonding of the nation: Federalism and territorial integration in Malaysia*. Kuala Lumpur: ISIS.
- Kapferer, B. 1988. *Legends of people, myths of state: Violence, intolerance, and political culture in Sri Lanka and Australia*. Washington and London: Smithsonian Institution Press.
- Kahn, J. & Loh, K.W., eds. 1991. *Fragmented vision: culture and politics in contemporary Malaysia*. Sydney: Allen And Unwin.
- Kedourie, E. 1966. *Nationalism*. London: Hutchinson University Books.
- Khong, K.H. 1975. British rule and the struggle for independence in Malaya, 1945-1957. PhD thesis, University of Pittsburgh.
- Lau, A. 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapore: Oxford University Press.
- Loh, K.W. 1991. Mengkaji politik etnik di Malaysia, Peranan dan Orientasi Sains Sosial Malaysia Abad Ke-21, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur.
- Marx, K., Engels, F. & Lenin, V. 1972. *On historical materialism: A collection*, Moscow: Progress Publishers.
- Mauzy, D. 1982. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican and Sons.

- Means, G. 1976. *Malaysian politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Milne, R.S. 1967. *Government and politics in Malaysia*. Boston: Houghton Mifflin.
- Ong, M. 1990. Malaysia: Communalism and the political system. *Pacific Viewpoint* 31(2).
- Ongkili, J. P. 1967. *The Borneo response to Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Nation-Building in Malaysia: 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Puthucheary, J. 1960. *Ownership and control in the Malayan economy*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Ratnam, K.J. 1964. *Communalism and the political process in Malaya*. Singapore: University of Malaya Press.
- Reid, A. 1988. *Southeast Asia in the age of commerce, 1450-1680, 1: The lands below the winds*. New Haven: Yale University Press.
- Roff, M.C. 1974. *The Politics of belonging: Political change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, W.R. 1967. *The origins of Malay nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Said, I. 1989. Perspektif etnik golongan kiri di Malaysia. Kuala Lumpur: *Kajian Malaysia* 7(1/2): 220-46.
- Shafruddin, B.H. 1987. *The Federal factor in the government and politics of Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Shafruddin, B.H. & Itikhar, A.M.Z., ed. 1988. *Between centre and state: Federalism in perspective*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies (ISIS).
- Shamsul, A.B. 1992. *Malaysia in 2020: One state many nations*. Bangi: Department of Anthropology and Sociology, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul, A.B. & Vejai, B. 1994. Menangani 'gempa' politik Sabah. *Berita Minggu*, 27 March.
- Shamsul A. B & Vejai Balasubramaniam. 1994. Federalism: the Sabahan dilemma. *Trends* 43 (March): 26-27.
- Simandjuntak, B. 1969. *Malayan Federalism 1945-1963: A study of federal problems in a plural society*. Kuala Lumpur.
- Smith A.D. 1986. *The ethnic origins of nations*. Oxford: Basil Blackwell.
- Smith, T.E. 1963. *The background to Malaysia*. London: Oxford University Press.
- Sopiee, N. 1974 *From Malayan Union to Singapore separation*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Stenson, M.R. 1970. *Industrial conflict in Malaya: Prelude to the communist revolt of 1948*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Stockwell, A.J. 1979. British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment 1942-1948. *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph no.8.
- Tagore, R. 1917. *Nationalism*. New York: Macmillan.
- The Federation of Malaya Agreement, 1948*, reprinted in 1952.
- Vejai Balasubramaniam. 1997. Nasionalisme dalam pembentukan sebuah negara federalis: Suatu wacana teoretikal berdasarkan pengalaman Malaysia, Ph.D thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- von Vorys, K. 1976. *Democracy without consensus*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zawawi, I. 1989. Ethnicity in Malaysia. In *Ethnicity: Identity, Conflict, Crisis*, edited by Kumar David & Santasilan. Hong Kong: Arena Press.

Jabatan Pengajian Asia Tenggara  
Universiti Malaya  
Lembah Pantai  
59100 Kuala Lumpur

